



KENYATAAN BERSAMA • 13 DISEMBER 2022

100 Hari Pertama untuk Menteri Kesihatan Yang Baru

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) mengalu-alukan pelantikan Dr Zaliha Mustafa sebagai Menteri Kesihatan dan mengucapkan sekalung tahniah kepada beliau sebagai wanita pertama yang dilantik sebagai Menteri Kesihatan Malaysia. Kami menawarkan sokongan penuh serta cadangan yang konstruktif kepada beliau apabila diperlukan.

Kami mencadangkan prinsip panduan berikut untuk 100 Hari Pertama Menteri Kesihatan:

1. Teruskan Proses Reformasi Kesihatan

Dengan ancaman berganda pandemik COVID-19 di samping kemelesetan ekonomi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mesti menyediakan sistem penjagaan kesihatan awam yang ampuh untuk menghadapi lonjakan pesakit yang memerlukan rawatan kesihatan. Dalam jangka masa panjang, kita mesti memperkasakan sistem kesihatan kita untuk menjadi lebih berdaya tahan. Cadangan untuk meningkatkan perbelanjaan kesihatan awam kepada [5% daripada keluaran dalam negara kasar](#) (KDNK) menjelang 2030 perlu diteruskan. Kami juga menggesa Menteri untuk meneruskan kerja [Kertas Putih Kesihatan](#) dan [Rang Undang-Undang Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok 2022](#). Kita mesti meneruskan urusan yang tertunda untuk menyempurnakan proses reformasi kesihatan untuk tahun-tahun di hadapan.

2. Menjaga Kebajikan Petugas Kesihatan

Kami yakin dengan jaminan Menteri untuk menyelesaikan [isu doktor kontrak](#). Kami menggesa Menteri untuk juga menyelesaikan isu semua profesional kesihatan kontrak seperti doktor gigi, ahli farmasi, jururawat, paramedik dan profesional kontrak lain, secara serentak. Tambahan pula, perlu juga ada penambahbaikan laluan kerjaya mereka termasuklah biasiswa untuk melanjutkan pelajaran, syarat perkhidmatan yang lebih adil, dan persekitaran kerja yang lebih baik (termasuk masa untuk berehat). Untuk ini, kami mencadangkan agar mempercepatkan penubuhan Suruhanjaya Pembaharuan Kesihatan bagi memberi panduan tentang cara untuk memperkukuh modal insan untuk kesihatan di Malaysia.

3. Tingkatkan Tumpuan kepada Penentu Sosial Kesihatan

KKM tidak boleh hanya menumpu kepada penjagaan sakit atau kesihatan sahaja dan perlu menjaga kedua-dua kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Istilah “kesihatan” sangat luas, ia termasuk pendidikan awal kanak-kanak, pemakanan, hak pekerja, perlindungan sosial dan juga kualiti udara. Kebanyakan faktor ini tidak diselia oleh KKM. Oleh itu, KKM mesti menjalinkan kerjasama yang kukuh dengan kementerian atau agensi yang berkaitan, dan bekerjasama untuk meningkatkan penentu sosial kesihatan untuk rakyat Malaysia.

MHC berharap untuk bekerjasama rapat dengan Menteri, untuk membolehkan semua rakyat menerima penjagaan kesihatan terbaik bila-bila masa dan di mana sahaja diperlukan, tanpa kesulitan kewangan. Kami mengharapkan lima tahun yang progresif untuk kesihatan Malaysia.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (*Senarai tandatangan penuh di myhealthcoalition.org*)

13 Disember 2022

Senarai tandatangan penuh:

Organisasi

1. Academy of Medicine Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrists
3. IKRAM Health Malaysia
4. Islamic Medical Association of Malaysia
5. Lung Cancer Network of Malaysia
6. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
7. Malaysian Association of Clinical Biochemists
8. Malaysian Association of Dental Public Health Specialists
9. Malaysian Association of Environmental Health
10. Malaysian Association of Medical Assistants
11. Malaysian Association of Speech-Language & Hearing
12. Malaysian Coalition on Ageing
13. Malaysian Dental Association
14. Malaysian Family Medicine Specialists' Association
15. Malaysian Medical Association
16. Malaysian Paediatric Association
17. Malaysian Pharmacists Society
18. Malaysian Public Health Physician Association
19. Malaysian Society of Anaesthesiologists
20. Malaysian Society of Clinical Psychology
21. Malaysian Society of Geriatric Medicine
22. Malaysian Society of Ophthalmology
23. Malaysian Thoracic Society
24. Medical Mythbusters Malaysia
25. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
26. MedTweetMy

Individu

1. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
2. Dato' Dr Amar Singh-HSS
3. Dr Khor Swee Kheng
4. Prof Dr Asri Said
5. Prof Dr Mohd Zamrin Dimon
6. Prof Dr Roslina Abdul Manap
7. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
8. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy
9. Puan Sharipah Asiah Syed Junid Aljunid

Diselaraskan oleh: Dr Sean Thum, Chen Fan Jie

Diterjemahkan oleh: Ahmad Aizat Zaini